

Nama : Kelas :



فَرَسْتِيدُ عَنْ قَعْوَادِ الْمُجْلِسِ قَعْوَا
وَمَعْمَدُكَ لِحَاثِ سَكُونِ لِمَنْعَبُوكَا لِمَنْعَبُوكَا
يَا يَاسَنُ إِسْلَامُ كَلْتَن



3766/2
Perniagaan
Kertas 2
September 2025
2 jam 15 minit

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2025 M / 1447 H**

**PERNIAGAAN
KERTAS 2**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nama dan tingkatan anda pada ruangan di atas.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian : Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C
3. Tulis jawapan anda pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.
4. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik

Untuk kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
	5	10	
	6	10	
B	7	15	
	8	15	
	9	15	
C	10	20	
Jumlah		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 19 halaman bercetak

SULIT

©2025 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

3766/2 PERCUBAAN SPM YIK 2025 PERNIAGAAN K2

[LIHAT HALAMAN SEBELAH

Bahagian A
(50 markah)

Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.

1. (a) Nyatakan enam komponen asas perniagaan. [6 markah]

- (b) Gambar di bawah menunjukkan sebuah agensi di Malaysia.



- i. Apakah nama agensi tersebut? [1 markah]

- ii. Nyatakan 3 peranan agensi tersebut. [3 markah]

3. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pengangguran.

Laporan BNM juga menyatakan kadar pengangguran belia Malaysia mencecah 10.7 peratus pada 2015, malah mencecah tiga kali ganda daripada kadar pengangguran negara sebanyak 3.1 peratus. Rentetan itu, krisis ekonomi banyak memberi impak terhadap pengangguran terutamanya terhadap graduan. Mereka juga terpaksa menunggu bertahun-tahun bagi mendapatkan pekerjaan disebabkan peluang pekerjaan terhad.

Sumber: BH ONLINE

(a) Terangkan jenis pengangguran tersebut.

[4 markah]

(b) Jelaskan peranan kerajaan dalam menangani pengangguran di 3(a).

[6 markah]

4. (a) Jelaskan maksud rancangan perniagaan.

[2 markah]

(b) Jelaskan maklumat pemilik atau rakan kongsi yang perlu ada dalam rancangan perniagaan. [8 marks]

[8 markah]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper has a slightly textured appearance and some minor discoloration or faint smudges, particularly near the center. The edges of the paper are slightly irregular, suggesting it might be a scan of a physical document.

5. (a) Terangkan dua kepentingan rancangan perniagaan kepada seorang usahawan. [4 markah]

- (b) Terangkan tiga kekuatan diri usahawan. [6 markah]



This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper has a slightly aged or off-white appearance. There is no handwriting or other markings on the page.

(b) Pada pendapat anda, bagaimanakah seorang pengurus dapat meningkatkan tahap motivasi pekerjanya? [2 markah]

Bahagian B
(30 markah)

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

7. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Cik Fatt.

SWEETHOME merupakan perniagaan yang menawarkan perkhidmatan dekorasi dalaman dan pembekal barangan hiasan dalaman untuk premis kediaman dan premis perniagaan. Cik Fatt pengurus bahagian fungsian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membangunkan sistem pengkalan data sendiri untuk membolehkan operasi perniagaan berjalan lancar. Setelah beberapa tahun sistem ini mempunyai kekurangan melibatkan perekodan stok masuk dan keluar.

Cik Has, ketua pegawai eksekutif SWEETHOME telah menghantar memo menggunakan email kepada Cik Fatt. Ini bertujuan membentuk pasukan kerja yang lebih mantap.

- (a) Huraikan jenis organisasi bagi perniagaan SWEETHOME. [4 markah]
- (b) Jelaskan tujuan bahagian fungsian tersebut. [4 markah]
- (c) Bagaimanakah proses komunikasi berlaku antara Cik Fatt dan Cik Has? [7 markah]

8. Jadual 1 dibawah menunjukkan maklumat yang dipetik daripada penyata kewangan dua buah perniagaan kedai buku bagi tempoh enam bulan pertama.

Butiran	Syarikat Cahaya Book Sendirian Berhad (RM)	Kedai K'amal Book Enterprise (RM)
Kos jualan	40 000	60 000
Untung bersih	25 000	45 000
Modal awal	100 000	150 000
Aset semasa	25 000	50 000
Liabiliti semasa	20 000	25 000
Stok purata	12 000	15 000

Jadual 1

(a) Perniagaan manakah yang menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan menggunakan analisis nisbah asas? Kemukakan bukti anda. [6 markah]

(b) Bagaimanakah penambahbaikan dapat dilakukan terhadap operasi perniagaan yang berprestasi rendah? [9 markah]

9. Gambar 2 menunjukkan perbualan antara Encik Azmi dengan Encik Zali berkaitan dengan rancangan perniagaan.



Gambar 1

- (a) Bagaimanakah rancangan perniagaan boleh membantu Encik Azmi semasa menjalankan perniagaan? [5 markah]
- (b) Nyatakan empat maklumat yang perlu ada dalam rancangan pentadbiran bagi sesebuah rancangan perniagaan. [4 markah]
- (c) Jelaskan tiga pihak berkepentingan yang dimaksudkan oleh Encik Zali. [6 markah]

**Bahagian C
(20 markah)
Wajib Jawab**

10. Baca dengan teliti kes di bawah ini.

Puan Liyana merupakan pemilik stesen minyak yang bertempat di Shah Alam , Selangor. Puan Liyana memulakan perniagaan dengan mendapatkan bantuan modal daripada suami melalui simpanan dan memohon pinjaman daripada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Beliau memilih untuk mendapatkan pinjaman daripada PUNB kerana tidak mahu terikat dengan perjanjian bank. Lagipun pinjaman menerusi bank memerlukan pembayaran faedah yang tinggi dan sebagainya.

Kini, stesen minyak beliau memasuki tahun ketujuh operasi di bawah kendalian beliau. Menjalankan perniagaan stesen minyak 24 jam membabitkan pelbagai risiko seperti kecurian dan rompakan berikutan penerimaan jumlah wang tunai yang sangat banyak pada setiap hari. Puan Liyana mengambil langkah berjaga-jaga demi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Justeru, stesen minyak beliau dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) di setiap sudut yang disambung terus ke telefon bimbitnya supaya beliau dapat memantau keadaan di mana-mana dan pada bila-bila masa. Beliau juga telah membeli insurans kebakaran bagi tujuan keselamatan premis perniagaannya.

Beliau sangat menitikberatkan perihal keselamatan kerana perniagaannya yang berisiko. Oleh itu beliau juga akan memantau jadual penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh pekerjaanya. Sekiranya berlaku sebarang masalah, tindakan akan diambil dengan segera.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan yang berikut.

- (a) Terangkan sumber fizikal dalam operasi perniagaan Puan Liyana. [6 markah]
- (b) Jelaskan prosedur mengurus sumber fizikal dalam operasi perniagaan oleh Puan Liyana. [10 markah]
- (c) Jelaskan sumber pembiayaan perniagaan yang digunakan Puan Liyana. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT